

30 DEC 2000

Abdullah-Perpaduan

UMNO SEDIA MEMULAKAN USAHA MENYATUPADUKAN SEMULA ORANG MELAYU, KATA
ABDULLAH

MUAR, 30 Dis (Bernama) -- Umno akan memulakan dengan secepat mungkin usaha untuk mengajak parti pembangkang Melayu duduk semeja berhubung soal menyatupadukan semula orang Melayu.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Umno tidak mempunyai masalah untuk memulakan usaha itu memandangkan soal perpaduan Melayu amat penting.

Abdullah, yang juga Timbalan Presiden Umno berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Presiden PAS Datuk Fadzil Noor dalam akhbar hari ini.

Fadzil dilaporkan berkata PAS sedia bekerjasama dengan Umno untuk membincangkan soal perpaduan orang Melayu asalkan Umno mengorak langkah mengajak parti pembangkang Melayu duduk semeja nmembincangkannya.

"Kalaulah begitu kehendak pemimpin PAS, kita tidak ada masalah. Insyaallah kita akan mulakan secepat mungkin," kata Abdullah kepada pemberita pada majlis rumah terbuka Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman di Sungai Mati, dekat sini hari ini.

Timbalan Perdana Menteri menganggap kenyataan pemimpin PAS itu sebagai satu perkembangan baik untuk mencari jalan penyelesaian berhubung soal perpaduan orang Melayu.

"Saya percaya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga tidak ada masalah kerana perkara ini (dia) yang mula bercakap dulu," kata beliau.

Ketika ditanya mengenai Timbalan Presiden Parti Keadilan Nasional (Keadilan) Dr Chandra Muzaffar agar Umno menjelaskan bentuk perpaduan yang mahu dilaksanakan, Abdullah berkata: "Itu tidak perlu dibincang melalui akhbar."

"Cakaplah apa nak cakap pun... tetapi tajuknya biarlah hal-hal yang berkaitan dengan perpaduan ummah dan perpaduan kaum Melayu," katanya.

Dr Chandran berkata partinya ingin tahu bentuk perpaduan yang dimaksudkan sama ada ia bersifat membawa keadilan sosial, kemuliaan insan atau perkara lain.

Yang hadir sama pada majlis rumah terbuka itu ialah Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng, Timblan Menteri Sumber Manusia Dr Abdul Latiff Ahmad serta barisan exco kerajaan negeri. -- BERNAMA

MKO AR